



PESERTA ... Sebahagian daripada peserta Kolokium Pasca SPPS UMS.



CENDERA KENANGAN ... Baharom (dua dari kiri) menyampaikan cendera kenangan kepada Dr. Suyansah.

SPPS UMS akan terus mantapkan peranan capai visi dan misi

NST 4-4-2014 11

OLEH MARRYAN RAZAN
(marryan@newsabahtimes.com.my)

KOTA KINABALU: Sekolah Pendidikan Dan Pembangunan Sosial (SPPS) Universiti Malaysia Sabah (UMS), akan terus memantapkan perannya bagi membantu mencapai misi dan visi pembangunan pendidikan di negeri ini seterusnya melahirkan lebih ramai graduan dalam pelbagai kepakaran.

Penyelaras Pascasiswazah SPPS, Prof Madya Dr. Baharom Mohamad berkata ini termasuk mengadakan program perkongsian ilmu melalui Kolokium bertemakan "Dari Pelajar Untuk pelajar" yang berlangsung selama tiga hari di Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS.

Beliau berkata, program kolokium anjuran bersama Jawatankuasa Pelajar Pascasiswazah dengan kerjasama SPPS, bertujuan membantu pelajar menyempurnakan pengajian dengan baik serta memupuk semangat keyak-

inan dan kerjasama dalam membentuk hasil ilmiah yang berkualiti dan mantap.

"Pemantapan ilmu dan semangat jati diri yang kental amat penting dalam diri setiap pelajar sepanjang menjalani pengajian sama ada secara sepenuh masa atau separuh masa," katanya di sini, baru-baru ini.

Kolokium itu disertai lebih 300 siswa dan siswi Pascasiswazah SPPS, yang mengambil Program Ijazah Doktor Fal safah (PhD) dan Sarjana Pendidikan.

Baharom berharap program yang julung kali diadakan pada tahun ini, dapat dijadikan sebagai program tahunan bagi menggalakkan para pelajar berusaha bersungguh-sungguh menamatkan pengajian dengan jayanya.

"Kita tidak mahu pelajar mudah patah semangat dan akhirnya menarik diri. Ini satu kerugian besar dalam diri dan masa depan yang sudah ada tetapi dipersiapkan," katanya.

Sementara itu, ketika berucap merasmikan program penutupan Kolokium,



PESERTA... Sebahagian daripada peserta Kolokium Pasca SPPS UMS.

Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar, (HEP) SPPS UMS, Dr. Suyansah Swanto menggesa para peserta Kolokium supaya menggunakan perkongsian ilmu ilmiah itu untuk memantapkan lagi pengajian masing-masing terutama dalam menyiapkan kajian dan penyelidikan.

"Sebagai pelajar, cabaran sepanjang sesi pengajian tetap ada dan ini adalah proses pembelajaran yang perlu dihadapi dengan penuh keyakinan serta pemikiran kritis dan bijaksana supaya pengajian dapat ditamatkan hingga berjaya memperoleh ijazah," katanya.

Turut hadir pada majlis itu, Pemangku Penyelaras Pascasiswazah Dr. Roslee Talip dan Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Losius Gilong.

Sebanyak enam kertas kerja dibentangkan pada kolokium itu oleh penyarah SPPS, iaitu Dr. Mohd Zaki Ishak; Dr. Baharom Mohamad; Dr. Rosy Talin; Dr. Khalid Johari; Dr. Denis Andrew D Lajium; Prof Madya Dr. Sabariah Sharif dan Dr. Roslee Talip.

Selain pembentangan kertas kerja oleh para penyarah, para pelajar pascasiswazah PhD turut membentangkan kajian, mengadakan perbincangan dan soal jawab untuk memantapkan penulisan tesis.

Dalam pada itu, beberapa peserta program yang sedang dalam pengajian secara separuh masa (Penyelidikan) berkata penganjuran program seumpama itu tepat pada masanya bagi memantapkan kajian masing-masing.